

# Jangan diabaikan!

**KEJADIAN** seorang lelaki memukul dan menendang isterinya di dalam lif disaksikan dua anak mereka yang masih kecil yang tersebar meluas di laman sesawang awal September 2013 memeranjatkan masyarakat.

**N**ampaknya makin modernnya kehidupan dan bertamadunya manusia, kes-kes penganiayaan atau keganasan terhadap wanita tetap berlaku dan makin meningkat. Pada 2012, sebanyak 3488 kes keganasan rumah tangga dilaporkan kepada polis.

Fakta ini dikongsi Supt Ong Chin Lan, Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Bukit Aman ketika majlis sambutan Hari Wanita 2013 bertema Respek Wanita: Masyarakat Sejahtera di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 25 Ogos 2013.

"Pada 20 Ogos tahun ini, seorang perempuan berusia 37 di Ampang dipukul suaminya sehingga bahu terkehel. Adiknya yang bantu buat aduan di balai polis kerana mangsa takut dan diugut suaminya. Ramai mangsa yang begini, hanya mendiamkan diri selepas dipukul atau dianiayai suami atau keluarga mereka. Jadi jumlah kes sebenarnya lebih tinggi," ujar Supt Ong.

*Apa itu keganasan terhadap wanita?*

• Keganasan adalah mengenai kawalan dan kuasa.



Ong Chin Lan

- Perbuatan terpilih atas gender mangsa iaitu wanita atau kanak-kanak perempuan.
- Berlaku tidak kira bangsa, agama, status ekonomi dan budaya.
- Sudah lama ada dalam semua budaya.

*Jenis keganasan terhadap wanita:*

- Penderaan psikologikal/emosi
- Penderaan fizikal
- Keganasan rumah tangga
- Penderaan kewangan
- Penderaan sosial
- Penderaan seksual

*Apa anda boleh lakukan jika anda mangsa keganasan atau penganiayaan!*

- Dapatkan bantuan segera.
- Buat laporan di balai polis terdekat.
- Anda berhak mendapatkan perlindungan.
- Anda berhak hidup tanpa keganasan.
- Anda perlu buat keputusan untuk keluar daripada kitaran penderaan rumah tangga.

*Seksyen 100 Kanun Keseksaan*

Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh termasuk menyebabkan kematian:

## PERTAMA KALI SAYA DIPUKUL



Keratan akhbar

- Serangan yang munasabah menyebabkan ketakutan bahawa kematian akan berakibat daripada serangan itu;
- Serangan yang munasabah menyebabkan ketakutan bahawa cedera parah akan berakibat daripada serangan itu;
- Sesuatu serangan dengan niat melakukan rogol;
- Sesuatu serangan dengan niat memuaskan nafsu luar tabii;
- Sesuatu serangan dengan niat mencolek atau melarikan orang;
- Sesuatu serangan dengan niat hendak mengurung seseorang dengan salah.

"Satu daripada halangan utama untuk memerangi keganasan terhadap wanita adalah adakala mangsa tidak bersedia atau tidak dapat membuat keputusan tindakan selanjut untuk diri mereka sendiri. Saya benar-benar menyeru agar wanita yang menjadi mangsa keganasan jangan berdiam diri. Tegakkanlah hak anda!" Ujar Supt Ong.

### Keganasan rumah tangga 2007-2012

Kontinjen	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Perlis	46	10	54	47	64	100
Kedah	378	387	288	135	173	165
P. Pinang	338	279	286	282	300	230
Perak	261	241	290	345	353	315
Selangor	811	1102	1015	626	572	436
K. Lumpur	189	92	71	123	224	271
N. Sembilan	289	252	274	239	250	352
Melaka	106	89	62	64	74	80
Johor	315	273	231	300	256	350
Pahang	197	186	149	164	190	208
Terengganu	82	90	68	45	65	138
Kelantan	184	252	173	242	229	349
Sabah	144	218	342	301	280	214
Sarawak	416	298	340	260	247	280
<b>Jumlah</b>	<b>3756</b>	<b>3769</b>	<b>3643</b>	<b>3173</b>	<b>3277</b>	<b>3488</b>